

10 APR 1996

DR MAHATHIR LAWAT NEGARA BALKAN MULAI 18 APRIL

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan rasmi ke tiga negara Balkan mulai 18 hingga 21 April ini.

Menurut kenyataan Kementerian Luar di sini hari ini, Perdana Menteri akan melawat Croatia mulai 18 hingga 19 April, Bosnia-Herzegovina mulai 19 hingga 20 April dan Macedonia mulai 20 hingga 21 April.

Semasa lawatan rasmi itu, Dr Mahathir akan diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Di Croatia, Dr Mahathir akan merasmikan Pameran Barangan Malaysia anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di

Satu rombongan perniagaan diketuai oleh Pengerusi HICOM Berhad Datuk Seri Yahaya Ahmad juga akan mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan ke tiga negara berkenaan. -- BERNAMA

MGM NAK